

| | | | |
|------------|--------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pencarian Mister Planet | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 30 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 178,211 |
| Page No | 10 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 289 cm ² |
| Journalist | Gambar ROY AZIS ABD AZIZ | AdValue | RM 5,712 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,136 |



Pencarian Mister Planet

Mencari ikon belia yang cintakan alam sekitar

Oleh NURSYAMIMI SAIDI

Gambar ROY AZIS ABD AZIZ

SIKAP acuh tidak acuh terhadap usaha mengekalkan alam sekitar yang bersih, indah dan tidak tercemar, bakal memberi padah kepada penghuni bumi.

Buktinya, hari ini sering berlaku perubahan cuaca melampau, lapisan ozon yang semakin menipis, kesan rumah hijau, banjir kilat, kenaikan suhu global, pencemaran udara dan sebagainya.

Semuanya adalah natijah daripada kealpaan dalam menjaga alam sekitar.

Justeru kesedaran memulihara alam sekitar menjadi sandaran pada pertandingan Mister Planet Malaysia (MPM), bagi melahirkan ikon belia yang mengambil isu alam sekitar secara serius.

Pertandingan pencarian jejak terbaik ala pertandingan ratu cantik itu, merupakan anjuran Malaysia United Nations Pageants (MUNP).

Pengarahnya, **Azman Bosri** berkata, atas dasar tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia, pihaknya mengetengahkan tema Hutan Hujan Tropika untuk MPM edisi tahun

2015.

“Para peserta akan menjalankan misi berkaitan dengan penjagaan alam sekitar bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

“Mereka akan turut diuji kemahiran

seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, komunikasi dan permuafakatan,” katanya dalam sidang akhbar dan sesi pengenalan finalis MPM 2015 di Istana Budaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, selain berpengetahuan luas, peserta haruslah mempunyai ketinggian yang mencukupi seperti yang ditetapkan iaitu 175 sentimeter serta memiliki kemahiran komunikasi yang baik.

Di samping itu, peserta turut dinilai melalui beberapa tahap seperti ilmu pengetahuan, bahasa dan pertuturan, bahasa badan, tahap keyakinan, dan kebolehan berjalan di pentas peragaan.

“MPM merupakan pertandingan seperti pencarian ratu cantik tetapi bezanya ia

untuk jejak. Pertandingan ini bukan sekadar mempertaruhkan rupa yang menarik malah mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai isu semasa yang berkaitan penjagaan alam sekitar secara global.

“Para peserta turut mendapat pendedahan dalam bidang peragaan memandangkan dunia fesyen lelaki semakin berkembang positif sejak kebelakangan ini,” ujarnya.

Katanya, lesen pertandingan itu dibeli daripada syarikat induknya yang beroperasi di Paris, Perancis dan terdapat hampir 50 buah negara di seluruh dunia menyertainya.

Beliau menambah, dengan penganjuran MPM 2015, diharap dapat meningkatkan lagi tahap kesedaran kepada orang awam

tentang pentingnya mengekalkan hutan-hutan di Malaysia.

MPM turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kelab Pencinta Alam Malaysia, dan Muzium Negara Malaysia.

Pemenang yang dipilih akan mewakili negara ke peringkat dunia di Madrid, Sepanyol pada tahun hadapan.



AZMAN BOSRI

| | | | |
|------------|--------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pencarian Mister Planet | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 30 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 178,211 |
| Page No | 10 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 289 cm ² |
| Journalist | Gambar ROY AZIS ABD AZIZ | AdValue | RM 5,712 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,136 |



FINALIS Mister Planet Malaysia 2015 ketika sidang akhbar sesi pengenalan di Kuala Lumpur, baru-baru.